

14/07/2002

Dr Mahathir atur peralihan kuasa dengan penuh teliti

ALOR STAR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad merangka pelan peralihan kuasa dengan penuh teliti kerana tidak mahu negara di dalam keadaan ketidaktentuan, kata Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Timbalan Perdana Menteri berkata, Dr Mahathir menyusun jadual dengan penuh berhati-hati bagi memastikan pelan peralihan kuasa 16 bulan itu berjalan baik.

"Ini adalah niat Perdana Menteri untuk menjamin kestabilan politik. Jika kestabilan politik tergugat, maka kita akan menghadapi masalah dan kerajaan akan menjadi lemah.

"Tetapi, kestabilan politik akan memberi kekuatan kepada kerajaan dan di samping itu akan wujud kecekapan pentadbiran untuk menguatkuasakan undang-undang," katanya selepas menemui pegawai kanan kerajaan di Wisma Darul Aman di sini, semalam.

Abdullah juga berkata, pentadbiran dan dasar pembangunan perlu dijalankan dengan sebaik-baiknya.

Sementara itu, ketika bercakap kepada pemberita selepas upacara peletakan batu asas persimpangan bertingkat Pendang Lebuhraya Utara-Selatan di Kobah, Pendang, beliau berkata peralihan kuasa tidak menjejaskan pasaran saham.

Katanya, pelabur tetap datang apabila melihat negara ini aman dan keyakinan mereka akan membantu membangunkan ekonomi Malaysia.

"Itulah yang menentukan pembangunan ekonomi, dengan kerajaan terus melaksanakan dasar yang baik bagi menggalakkan pertumbuhan," katanya sambil merujuk kepada prestasi baik indeks komposit di Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL).

Ketika pasaran ditutup kelmarin, pantulan teknikal membantu saham ditutup lebih tinggi, iaitu pada paras 739.85 mata, meningkat satu mata.

Mengenai laporan yang memetik Pengarah Eksekutif Persekutuan Majikan Malaysia (MEF), Shamsuddin Bardan bahawa pekerja yang melayari laman web lucah di pejabat boleh dipecat, Abdullah berkata, belum ada peruntukan khusus mengenai perkara itu.

"Dari segi salah guna alat dan rugi masa, kita boleh ambil tindakan kerana cuai. Jika kesalahan layar internet merebak, eloklah difikirkan apa bentuk tindakan yang boleh diambil," katanya.